



Malay

taip untuk carian



AM > BERITA

TCC Pastikan Undang-undang Cukai Negara Dipatuhi Pemilik Perniagaan

🕒 11/09/2024 10:14 PM



KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang dikeluarkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bertujuan untuk memastikan sesuatu perniagaan, terutamanya pembida perolehan kerajaan mematuhi undang-undang cukai negara dan menjadi pembayar cukai yang bertanggungjawab.

Penolong Pengarah Jabatan Pungutan Hasil Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Nooraini Mat Ali berkata TCC adalah khusus untuk pembayar cukai yang menjalankan perniagaan atau individu pemilik perniagaan dan terpakai kepada koperasi, badan amanah, unit amanah, Perkongsian Liabiliti Terhad, Amanah Pelaburan Harta Tanah, dan Tabung Amanah Harta.

"Individu yang menjalankan perniagaan wajib ada TCC yang merupakan sebahagian dokumen prasyarat semasa pembayar cukai atau pembida mengemukakan permohonan bagi perolehan Kerajaan bermula 2023.



"Kita telah mula memandatorikan mulai Februari 2024 untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan. Kami telah memulakan percubaan ini sejak tahun lepas dengan beberapa kementerian dan agensi, termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan kami menerima maklum balas memberangsangkan mengenai tahap pelaksanaannya," katanya dalam sesi temu bual bersama Bernama Radio di sini, hari ini.

Nooraini berkata TCC akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan bagi individu atau perniagaan pemilikan tunggal manakala bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad serta koperasi, sijil tersebut dikeluarkan mengikut kategori pembayar cukai TCC dan statusnya boleh disemak dan dicetak pada bila-bila masa secara percuma di portal MyTax.

Beliau berkata dua perkara akan disemak sebelum TCC dikeluarkan iaitu pembayar cukai atau pembida perlu memastikan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dikemukakan setiap tahun mengikut tempoh yang ditetapkan dan perlu memastikan tiada tunggakan cukai serta mematuhi jadual ansuran yang sedang berkuat kuasa.



"Semua pemilik perniagaan atau syarikat yang ingin memohon perolehan kerajaan melalui sistem e-Perolehan perlu ada TCC dan pembayar cukai mesti mematuhi dua kriteria yang ditetapkan.

"Sekiranya ada baki cukai tertunggak, status akan menjadi 'tidak patuh' tetapi sebagai alternatif, kita boleh maklumkan kepada pembayar cukai supaya membuat peraturan pembayaran cukai secara beransur, jika tidak mampu. Bila dah ada surat pembayaran ansuran itu, kita boleh terus tukar status 'tidak patuh' kepada 'patuh' dengan adanya dokumen sokongan," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa pembayar cukai atau pembida yang baharu perlu mendapatkan TCC dengan membuat semakan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) melalui aplikasi e-Daftar di Portal MyTax.

"Sekiranya belum mendapatkan TIN, boleh membuat pendaftaran di aplikasi e-Daftar dan kemukakan permohonan TCC berserta lampiran dokumen pendaftaran perniagaan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM menerusi e-mel tcc@hasil.gov.my," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai sijil tersebut boleh mengemukakan sebarang pertanyaan kepada tcc@hasil.gov.my.

-- BERNAMA

MIHAS 2024, the World's Largest Halal Showcase, return...



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),

[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

Ihdnm

sijil pematuhan cukai

tcc

tin

nooraini mat ali

BERITA BERKAITAN



Pencemaran Bau: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Laksana Pembersihan Sisa Kimia

🕒 1hari lalu



47 Chalet, Resort Berisiko Di Negeri Sembilan Diberi Tempoh Empat Bulan Dapatkan CCC

🕒 5hari lalu



Kontrak Kontraktor Dewan Selera MRSM Taiping Ditamatkan, Tindakan Undang-undang Akan Diambil- Asyraf Wajdi

🕒 5hari lalu

LAGI BERITA



"Abang Bas" Didakwa Lagi, Hantar Komen Jelik Menerusi TikTok

🕒 4minit lalu



TDM Tumpas Aktiviti Seludup Lembu Di Sungai Golok

🕒 5minit lalu



Pameran Teknologi Volkswagen Buka Peluang Pembekal Tempatan Ke Peringkat Global

🕒 35minit lalu



Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

☎ [klik di sini]

✉ helpdesk[at]bernama.com



Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Sukan
- Gaya Hidup
- Politik
- Dunia
- Infografik
- Video
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- SUKMA 2024
- HKHM 2024
- Olimpik Paris 2024
- Daulat Tuanku
- HAWANA 2024
- Fokus BERNAMA
- Tinta Minda
- Belanjawan 2024
- Kesihatan
- Tenaga
- MAPO
- MCMC

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Tentang BERNAMA

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Perkhidmatan BERNAMA

- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender